

Tuanku Canselor sebak

Mendengar ucapan Dr Ng penerima PhD OKU di Konvokesyen UPM

>>Oleh FAIZATUL FARLIN
FARUSH KHAN


ffarlin@hmetro.com.my

SERDANG: Ucapan seorang penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang juga orang kurang upaya (OKU) pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-31, di sini, semalam, menyebabkan hadirin, termasuk Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sebak.

Pemegang PhD dalam bidang Kejuruteraan Komunikasi dan Rangkaian UPM, Dr Ng Chee Kyun, 32, diberi penghormatan menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan selepas diiktiraf penerima PhD pertama daripada golongan OKU jenis spastik di universiti berkenaan.

Malah, Dr Ng turut mendapat pengiktirafan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai OKU jenis spastik pertama di negara ini menerima ijazah terbabit.

"Pada hakikatnya tiada sesiapa mahu menjadi OKU. Ia kehendak Tuhan. Kehadiran



SAYANG... Dr Ng menerima kucupan daripada ibunya, Tay Seng, 65, (kanan) dan bapanya Futt Yu, 67.

kami bukan untuk menagih simpati atau menyusahkan orang lain, sebaliknya membentuk masyarakat lebih seimbang serta prihatin.

"Kami juga mampu menyumbang kepada masyarakat. Beri kami peluang untuk mendapat hak sama, kehidupan sempurna dan berbakti kepada negara," katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Dr Nik Mustapha

R Abdullah.

Dr Ng yang mengalami 'cerebral palsy' berkata, kecacatan itu menyebabkan beliau tidak lancar bertutur, kurang pendengaran dan sukar mengawal pergerakan selepas sebahagian otak yang mengawal ototnya rosak akibat diserang demam kuning ketika berusia satu tahun.

Beliau berkata, biarpun sukar sepanjang 13 tahun pengajiannya di UPM, beliau



BANGGA... (dari kanan) Choong Kah Lai, Yosheena Miskam, Alias Ismail, Fadila Aida Muhibah dan Nor Azrinah Ahmad menunjukkan pengiktirafan yang diterima.

menguatkan semangat bagi membuktikan kepada masyarakat, golongan OKU bukan lemah seperti difikirkan.

"Setiap hari saya mengayuh basikal BMX ke kuliah untuk mendapat ilmu. Pada awal pengajian saya sangat sunyi, tetapi selepas beberapa lama saya berjaya menyesuaikan diri dan mempunyai ramai kawan baik.

"Mula-mula apabila saya

tidak faham apa yang diajar pensyarah, saya bertanya rakan tetapi tidak diendahkan. Bermula saat itu saya belajar hidup berdikari dan itu adalah cabaran paling besar buat saya," katanya pada sidang akhbar selepas majlis konvokesyen, di sini, semalam.

Anak ketiga daripada lima beradik itu kini bekerja sebagai penyidik di sektor swasta bercita-cita menjadi pensyarah dan membuka pu-

sat OKU yang menumpu pada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di UPM.

Acara konvokesyen yang bermula semalam hingga 29 Ogos ini menyaksikan seramai 7,949 graduan pelbagai pengajian menerima ijazah dan diploma masing-masing meliputi 136 penerima PhD, Ijazah Sarjana (996), Ijazah Sarjana Muda (6,117) dan Diploma (700).